

13 DEC 2002

KUMPULAN NASYID DARI KINABATANGAN RAKAM LAGU KHAS UNTUK DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Bagi sekumpulan guru dan kakitangan sekolah daerah Kinabatangan di Sabah, peluang merakamkan lagu nasyid khas sempena ulangtahun ke-78 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah pasti tidak akan dilupakan.

Lagu "Titisan Budi, Ukiran Abadi" nyanyian kumpulan nasyid Wahdatul Ummah itu akan disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada 20 Dis ini, iaitu hari lahir Dr Mahathir sendiri.

Rakaman selama dua hari mulai Rabu lepas di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, diusahakan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama RTM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ketua kumpulan itu Ardinah Arde berkata lagu yang dihasilkan khas sebagai menghargai Dr Mahathir itu dihasilkan sendiri oleh anggota kumpulan terdiri enam wanita dan lapan lelaki dari pelbagai sekolah di Kinabatangan.

Beliau, yang juga kerani Sekolah Kebangsaan Bukit Garam, Kinabatangan berkata kumpulan nasyid itu ditubuhkan pada 14 Ogos 1999 dan menyertai banyak persembahan.

"Kami merasa sangat bangga kerana diberi peluang ini sebagai sanjungan dan menghargai kepimpinan Dr Mahathir menerajui negara," katanya.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata walaupun bertugas di kawasan pedalaman, namun anggota kumpulan itu dapat memberikan sumbangan mereka menerusi lagu-lagu nasyid kepada pemimpin negara.

-- BERNAMA

RZS MFJ ROS